

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 11****RUANGAN : SETEMPAT****Gua Musang**

304 disahkan bebas jangkitan kuman

Seramai 304 Orang Asli suku Batek dari Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir di sini, yang menjalani saringan Khamis lalu disahkan bebas daripada jangkitan kuman paru-paru.

Penghulu Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir, Ramli Bebas berkata, keputusan itu amat melegakan mereka.

Namun katanya, penduduk tetap memilih untuk dikuarantin dan tidak melawat rakan di Kampung Kuala Koh buat sementara waktu sehingga keadaan kembali pulih.

Sementara itu, tiga Orang Asli suku Batek dari Kuala Koh yang berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Kuala Krai (HKK), menunjukkan perkembangan positif.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr Zaini Hussin

berkata, tiga yang dirawat di HKK sudah sedar dan semakin positif, namun semua mereka masih ditempatkan di ICU untuk pemantauan rapi.

Mengulas lanjut mengenai pemindahan pesakit Orang Asli di pusat pemindahan sementara di Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Etnobotani, Dr Zaini berkata, tiada pemindahan akan dilakukan dalam masa terdekat.

Katanya, ia berikutan Rumah Inap Orang Asli (Rika) kini hanya mempunyai 19 pesakit dan premis berkenaan mampu memuatkan 30 orang.

"Jadi, selagi Rika tidak mencencah 30 pesakit, kita tidak akan memindahkan mereka di pusat pemindahan sementara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 15****RUANGAN : SETEMPAT**

56,819 kes denggi

■ **83 kematian di seluruh negara dicatat sejak Januari**

Siti Aisyah Sukaimi

sitaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 83 kematian susulan denggi direkodkan di seluruh negara bagi tempoh 1 Januari hingga 8 Jun lalu.

Angka berkenaan dieluarkan oleh Bilik Gerakan

Denggi Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan yang dimuat naik menerusi laman rasmi <http://idengue.remotesensing.gov.my> semalam.

Selain itu, statistik dieluarkan oleh Kementerian Kesihatan juga merekodkan, sebanyak 56,819 kes denggi di seluruh negara bermula 30 Disember 2018 hingga kelmarin dengan Selangor mencatatkan angka tertinggi

iaitu 32,620 kes.

Ia diikuti Kuala Lumpur (5,632), Johor (4,605), Pulau Pinang (2,892), Sabah (2,422), Kelantan (1,569), Perak (1,516) dan Negeri Sembilan sebanyak 1,142 kes.

Pada 2 April lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dilaporkan berkata, nyamuk yang disuntik bakteria Wol-

bachia akan dilepaskan di 10 lokaliti yang dikenal pasti bulan depan bagi mengatasi peningkatan wabak denggi di kawasan berkenaan.

Beliau dipetik berkata, pelepasan nyamuk itu dijangka mampu menurunkan kes denggi di kawasan yang terbabit antara 60 hingga 70 peratus, sekali gus mampu mengurangkan kadar kematian akibat denggi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG

26 mangsa dirawat di Hospital Kuala Krai

KUALA KRAI - Seramai 26 orang asli Bateq dari Kampung Kuala Koh yang dipercayai menghadapi masalah saluran pernafasan masih dirawat di Hospital Kuala Krai (HKK), Kelantan.

Pengarah Hospital Kuala Krai, Dr Mohd Salleh Mat Jusoh berkata, dua daripada mereka dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), bagaimanapun keadaan seorang daripadanya beransur pulih.

Menurutnya, kedua-dua yang dirawat di ICU merupakan pesakit perempuan masing-masing berusia 12 dan 27 tahun.

"Salah seorang daripadanya dipindahkan ke wad biasa petang tadi (semalam).

"Pesakit lain pula ditempatkan di wad khas iaitu wad kluster saluran pernafasan dalam kalangan orang asli," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Mohd Salleh berkata, daripada 26 pesakit dirawat di Hospital Kuala Krai, 21 daripadanya ialah bayi dan kanak-kanak.

"Seramai 10 pesakit pula lelaki dan selebihnya perempuan. Pesakit paling muda dirawat di HKK ketika ini berusia tiga



Hospital Kuala Krai masih menerima mangsa wabak misteri.

26 pesakit di Hospital Kuala Krai, Kelantan

- 21 bayi dan kanak-kanak
- 5 dewasa
- 10 lelaki
- 16 perempuan (dua masih di ICU)

bulan.

"Sementara itu, pesakit orang asli dewasa yang masih dirawat di HKK pula seramai lima orang iaitu seorang lelaki dan empat perempuan," katanya.

Beliau berkata, jumlah orang asli yang menerima rawatan di Hospital Kuala Krai sentiasa berubah pada setiap hari.

"Setiap hari ada yang dihantar untuk dapatkan rawatan dan ada juga dibenarkan pulang," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan pihaknya masih mengehadkan lawatan ke atas pesakit orang asli bagi mengelak jangkitan merebak memandangkan punca penyakit belum dikenal pasti.

Katanya, kakitangan hospital yang berurusan dengan pesakit orang asli yang kurang sihat juga dibenarkan berehat.

"Ada dalam kalangan mereka yang mempunyai simptom seperti batuk dan sakit."

"Mereka bukan sahaja jururawat malah pengawal keselamatan kita benarkan rehat," katanya.